

MAKLUMAT TAMBAHAN IWK

- IWK dan MAJARI (bagi negeri Kelantan) telah dilantik sebagai agensi perakuan pembentungan oleh SPAN. Kedua-dua agensi ini akan membuat semakan pematuhan kepada permohonan KM dan PB.
- Kelulusan pelan pembentungan dan loji kumbahan hendaklah diperolehi oleh pemohon secara berasingan pada bila-bila masa sebelum pembinaan projek dimulakan di tapak.
- Proses melengkapkan Borang-borang PDC2 hingga PDC8 hendaklah diuruskan sendiri oleh pemohon dengan IWK atau MAJARI.
- Pelan susunatur yang telah diluluskan hendaklah dikemukakan untuk Perakuan Agensi Perakuan Pembentungan bagi tujuan kelulusan perancangan pembentungan dalam tempoh 7 hari dan tarikh pelan lulus.
- Sila sertakan salinan pendaftaran Jurutera Bertauliah dengan pihak SPAN sekiranya laporan kejuruteraan pembentungan dan / atau pelan dicop oleh Jurutera Bertauliah.
- Sesalinan Surat Perakuan Orang Yang Mengemukakan Kepada Agensi Perakuan Yang Dilantik Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang memperakui mematuhi buku panduan berikut *Malaysian Sewerage Industry Guidelines : Volume II, Sewerage Works Procedures*, *Malaysian Sewerage Industry Guidelines : Volume III, Sewer Networks And Pump Stations*, *Malaysian Sewerage Industry Guidelines : Volume IV, Sewerage Treatment Plant* dan *Malaysian Sewerage Industry Guidelines : Volume V, Septic Tanks* bagi loji kumbahan dalam bangunan atau IST dikepalkan bersama pengemukaan Borang B.